



# MULTAQA' ULAMA' DARUL TA'ZIM

Bersempena Ulangtahun Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia  
Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar  
Sultan dan Yang Dipertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk  
Johor Darul Ta'zim

Anjuran : Kerajaan Negeri Johor  
dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri Johor dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
8 Disember 2010M bersamaan 2 Muharram 1432H  
Persada Johor, Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

MENCINTAI NABI ﷺ  
DI SISI AHLI SUNNAH WAL JAMA'AH:  
FADHILAT DAN IMPLIKASINYA

ز.وان

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ،  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

0.1 PENDAHULUAN

Pada sesi pembentangan ini, saya akan menjelaskan tentang keistimewaan Ahli Sunnah wal Jama'ah yang di antaranya mencintai Nabi ﷺ. Kemudian saya akan menjelaskan tentang kelebihan-kelebihan dan kesan-kesan mencintai Nabi ﷺ terhadap diri seorang Mukmin dan masyarakat.

0.2 KEISTIMEWAAN DAN GAMBARAN ATAU TANDA TERPENTING  
METODOLOGI AHLI SUNNAH WAL JAMA'AH

Ahli Sunnah wal Jama'ah adalah golongan yang terselamat, kelompok yang mendapat kemenangan, mempunyai manhaj yang kukuh dalam perkara keimanan dan jalan mereka yang sempurna, yang tersusun di dalamnya segala perkara yang diperlukan oleh seorang Muslim.

Mereka mempunyai beberapa keistimewaan dan gambaran yang membezakan mereka dari fahaman-fahaman yang lain. Di antaranya:

- 1) Memberikan perhatian terhadap Kitab Allah dari aspek hafazan/penjagaan, bacaan dan tafsiran. Ia juga memberikan perhatian terhadap hadith dari aspek pengenalan/pengetahuan, pemahaman, perbezaan di antara hadith sohih dan lemah (kerana kedua-duanya adalah sumber pengambilan agama) di samping menyertakan ilmu dengan amal.
- 2) Mengambil agama secara keseluruhannya dan beriman dengan al Kitab keseluruhannya. Oleh yang demikian, mereka beriman dengan nas-nas perjanjian baik dan perjanjian buruk, nas-nas yang menthabatkan sesuatu yang layak

bagi Allah, nas-nas yang menyucikan Allah, dan menghimpunkan di antara keimanan dengan Qadar Allah dan penetapan kehendak hamba, kehendak dan perbuatanNya sebagaimana mereka menghimpunkan di antara ilmu dan ibadat, di antara kekuatan dan rahmat, dan di antara beramal dengan mengambil segala sebab dan bersifat zuhud.

- 3) Kecintaan terhadap Allah dan kecintaan terhadap Nabi yang mulia ﷺ, Ahli Baitnya yang mulia, kecintaan terhadap seluruh para sahabat, ulama', orang-orang soleh, para wali dan seluruh kaum Muslimin.
- 4) Mengikuti Sunnah dan meninggalkan bid'ah, bersatu padu, menjauhi perpecahan serta perselisihan di dalam perkara agama.
- 5) Mencontohi/mengikuti dan mengambil petunjuk dengan imam-imam pemberi petunjuk dan adil, yang menjadi ikutan dalam perkara keilmuan, amalan dan dakwah dari kalangan para sahabat dan orang-orang yang mengikuti manhaj mereka. Di antara mereka ialah imam-imam yang empat, pendokong-pendokong/sahabat-sahabat dalam mazhab-mazhab dan menjauhi sesiapa yang menyalahi jalan mereka.
- 6) Kesederhanaan: Dari segi i'tiqad mereka ini mengambil jalan pertengahan di antara jalan golongan yang melampau dan golongan yang terlalu memudah-mudahkan perkara agama. Manakala dari segi amal dan suluk, mereka berada di dalam golongan pertengahan di antara kedua-dua golongan tersebut.
- 7) Bersungguh-sungguh berusaha menyatukan kalimah kaum Muslimin di atas jalan kebenaran dan menyatukan barisan mereka serta menjauhkan segala sebab-sebab persengketaan dan perselisihan antara mereka.
- 8) Mereka melaksanakan usaha berdakwah kepada Allah secara bersepadu dan holistik, yang meliputi segala perkara termasuk aqidah, ibadat, suluk dan akhlak, pada setiap lapangan kehidupan dan menerangkan perkara yang diperlukan oleh setiap Muslim sebagaimana mereka memberi amaran daripada menjuzukkan pengambilan agama (mengambil sebahagiannya dan meninggalkan sebahagian yang lain). Mereka mendokong perkara-perkara wajib dan sunat sebagaimana mereka mendokong perkara-perkara aqidah dan perkara-perkara cabang, di samping mereka mengetahui bahawa jalan dan teknik berdakwah perlu mengalami pembaharuan. Maka mereka

mengeksploitasi dan memanfaatkan semua perkara baik dan muncul selagi ia disyariatkan. Mereka juga menjalankan usaha menyeru kepada kebaikan dan mencegah daripada kemungkarannya sebagaimana yang diwajibkan oleh syara', menghidupkan sunnah dan bekerja bagi menegakkan syariat Allah dan hukumnya dari sekecil-kecil perkara hingga sebesar-besarnya.

- 9) Insaf dan adil: Maka mereka menjaga hak Allah Ta'ala dan bukan hak individu atau kelompok.
- 10) Menerima kepelbagaian ijtihad dalam sesetengah permasalahan yang diperselisihkan, yang dinaqalkan daripada salafussoleh tanpa menyatukan golongan yang menyanggahi permasalahan tersebut. Mereka juga mengetahui adab-adab perselisihan yang ditunjukkan oleh Tuhan mereka Azza wa Jalla dan Nabi mereka ﷺ.
- 11) Mengambil berat terhadap perkara-perkara kemaslahatan dan kerosakan dan memeliharanya. Mereka juga mengetahui bahawa syariat itu datang bagi menghasilkan kemaslahatan dan mencegah kemafsadan (kerosakan) serta mengurangkannya, di mana mencegah sesuatu kerosakan itu adalah diutamakan daripada mencapai sebuah kemaslahatan.
- 12) Mereka memiliki pendirian khusus terhadap fitnah umum yang melanda: Apabila dilanda suatu tragedi, mereka bangkit menunaikan apa yang diwajibkan oleh Allah ke atas mereka dalam menghadapi tragedi ini.
- 13) Dalam menghadapi fitnah, mereka berpendapat bahawa kesejahteraan itu adalah sesuatu yang tertanding dan tidak melibatkan diri dalam fitnah ini lebih baik melainkan diri di dalamnya. Setelah jelas bagi mereka kebenaran bagi suatu pihak dan zahir dalil-dalil syara', maka mereka mendokong, membantu sekadar kemampuan mereka.
- 14) Mereka mengetahui siapakah dia ahli bid'ah dan apakah pengertian bid'ah dari segi syara' yang hakiki seperti golongan Murji'ah, Syiah, Khawarij, Rafidhah, dan Jahmiyyah.
- 15) Mereka tidak mengharuskan menghukum kafir atau fasiq atau menghukum dosa ke atas ulama' kaum Muslimin kerana ijtihad yang tersalah atau ta'wil yang tersasar khususnya dalam permasalahan yang diperselisihkan.
- 16) Mereka bangkit menunaikan kewajipan terhadap ahli bid'ah dengan menerangkan hal keadaan mereka, melarang dari mengikuti mereka,

menzahirkan sunnah dan memperkenalkan perihal bid'ah terhadap kaum Muslimin, membanteras bid'ah berdasarkan apa yang diwajibkan ke atas mereka oleh syara' berdasarkan garis panduan.

- 17) Mereka mengerjakan solat Jumaat, solat berjema'ah, solat Hari Raya di belakang imam yang tersembunyi keadaannya selagi tidak zahir padanya perbuatan bid'ah atau kejahatan yang dilakukannya. Mereka tidak mengharuskan solat di belakang sesiapa yang zahir bid'ah dan kejahatannya dalam keadaan mampu solat di belakang selain mereka. Sekiranya dia melakukan juga solat itu, maka tetap sah solatnya dan mereka menghukumkannya sebagai berdosa bagi si pelakunya melainkan jika dia melakukan dengan niat mengelakkan kerosakan yang lebih besar, dan dia tidak menemui imam lain selainnya atau lebih jahat daripadanya. Maka harus solat di belakangnya dan tidak harus meninggalkannya. Barangsiapa yang dihukum kufur maka tidak sah solat di belakangnya.
- 18) Mereka menyatakan bahawa kelompok-kelompok Ahli Kiblat yang terkeluar dari sunnah dijanjikan dengan kebinasaan dan neraka. Hukum terhadap golongan ini seumpama hukum ke atas sekalian golongan yang dijanjikan seksaan neraka, melainkan di antara mereka yang menyembunyikan kekufuran di dalam batinnya.
- 19) Di antara gambaran sifat mereka yang utama ialah kesepakatan dalam memberi kefahaman, kesamaan dalam pendirian walaupun berbeza negeri dan zaman. Ini adalah hasil dari kesatuan sumber ambilan dan metode penerimaan mereka.
- 20) Bersifat ihsan, kasih dan berakhlak mulia terhadap semua manusia, Mereka menjadikan al Qur'an, Sunnah dan kefahaman salafussoleh sebagai pengikat mereka sesama mereka dan selain mereka.
- 21) Memberi nasihat kerana Allah, KitabNya, RasulNya, Imam-Imam kaum Muslimin dan orang awam.
- 22) Mengambil berat urusan kaum Muslimin dan membantu mereka, menunaikan hak-hak mereka dan menghalang keburukan daripada menimpa mereka.
- 23) Mendokong orang Mukmin disebabkan keimanannya dan memusuhi orang kafir kerana kekafirannya walaupun dia adalah kaum kerabatnya yang terdekat.

24) Mereka tidak mengira sesiapa yang berjihad dalam menerangkan jenis-jenis usul Ahli Sunnah wal Jama'ah sebagai ahli bid'ah atau pelampau selagi mana dia tidak menyalahi sesuatu dari usul Ahli Sunnah wal Jama'ah.

Akhir sekali, setiap orang yang beri'tiqad dengan usul Ahli Sunnah wal Jama'ah dan beramal dengan petunjuknya, maka dia adalah dari Ahli Sunnah wal Jama'ah walaupun melakukan sesuatu kesalahan yang dihukumkan bid'ah bagi orang yang menyalahinya.

### 3.0 PENYUCIAN DAN PENTARBIAHAN JIWA DALAM METODE AHLI SUNNAH WAL JAMA'AH

Ahli Sunnah wal Jama'ah juga mempunyai manhaj yang sempurna dan lengkap dalam menyucikan dan mendidik diri, memperbaiki dan membersihkan hati kerana hati itu adalah paksi bagi keelokan jasad keseluruhannya. Ia berlaku dengan perkara-perkara berikut yang di antaranya:

1. Keikhlasan atau ketulusan tauhid kerana Allah dan menjauhi perkara syirik dan bid'ah yang akan mengurangkan iman atau mengurangkannya dari asalnya.
2. Mengenal Allah dengan memahami nama-namaNya yang baik dan sifat-sifatNya yang Maha Tinggi, mempelajarinya, memahami makna-maknaNya dan beramal dengan segala hukum-hakamNya kerana ia mewariskan ke dalam jiwa rasa kasih, rendah diri, rasa ta'zim, gerun, inabah kepada Allah dan mengagungkanNya.
3. Mentaati Allah dan RasulNya dengan menunaikan segala kefardhuan dan mengerjakan segala perkara yang disunatkan dengan sempurna di samping memberi perhatian terhadap zikir, bacaan al Quran, salawat ke atas Nabi, puasa, zakat, menunaikan haji, umrah dan perkara-perkara yang disyariatkan yang lain.
4. Meninggalkan perkara-perkara yang haram dan syubhat di samping menjauhi perkara-perkara yang dibenci.

5. Berjalan menuju kepada Allah di antara *Khauf* (rasa takut kepada Allah) dan *Raja'* (mengharap kepadaNya) serta beribadah atau menyembahNya dengan rasa cinta, *Khauf* dan *Raja'*.
6. Membesarkan dan memuliakan athar Nabi ﷺ dan para sahabatnya yang mulia.
7. Mengambil berat dengan urusan penyucian batin, memakmurkan hati dan membersihkannya daripada penyakit-penyakit hati.
8. Melazimi muraqabatullah dan bertaqwa kepadaNya ketika berada di tempat yang terang atau pun sunyi
9. Berusaha bersungguh-sungguh mengambil yang halal dari aspek makanan, minuman, pakaian dan tempat tinggal
10. Benar-benar bertawakkal kepada Allah dan meninggalkan urusan mentadbir dan menyerahkan segala perkara kepada Allah.

#### 4.0 RAHMAT DI SEBALIK PENGUTUSAN SAYYIDUNA MUHAMMAD ﷺ

Sesungguhnya Allah ﷻ mengutus Sayyiduna Muhammad ﷺ sebagai rahmat ke seluruh alam. Rahmat ini terlaksana dari dua aspek:

Pertama:

Fadhilat dan pahala yang ditulis oleh Allah bagi sesiapa yang mengasihi atau mencintai Nabi ﷺ dengan sebenar-benar kecintaan.

Kedua:

Kesan kecintaan ini dalam diri dan jiwa orang Mukmin dan juga masyarakat Islam di mana wujudnya kemanisan iman, tercapainya kestabilan, keamanan, ukhuwwah Islamiyah dan jauhnya daripada pelampauan dan penyakit-penyakit hati.

#### PERTAMA: KELEBIHAN KECINTAAN TERHADAP NABI ﷺ

1. Ketaatan kepada Rasulullah ﷺ membawa seorang Mukmin mentaati Allah.

Firman Allah:

مَنْ يُطِيعِ الرَّسُولَ فَقَدْ أَطَاعَ اللَّهَ وَمَنْ تَوَلَّىٰ فَمَا أَرْسَلْنَاكَ عَلَيْهِمْ حَفِيظًا ﴿٥١﴾

"Sesiapa yang taat kepada Rasulullah ﷺ, maka sesungguhnya dia telah taat kepada Allah. Sesiapa yang berpaling ingkar, maka (janganlah engkau berdukacita wahai Muhammad), kerana Kami tidak mengutusmu untuk menjadi pengawal (yang memelihara mereka dari melakukan kesalahan)."<sup>1</sup>

2. Ketaatan kepada Rasulullah ﷺ sebab tercetusnya kecintaan seorang Mukmin kepada Allah, terampun dosa-dosanya dan diterima taubatnya. Firman Allah:

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ

"Katakanlah (wahai Muhammad): "Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani."<sup>2</sup>

3. Sesiapa mentaati Rasul ﷺ maka dia tergolong di dalam kumpulan-kumpulan Allah yang perkasa/gagah dan mendapat kemenangan di dunia dan akhirat.

وَمَنْ يَتَوَلَّ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَالَّذِينَ آمَنُوا فَإِنَّ حِزْبَ اللَّهِ هُمُ الْغَالِبُونَ

"Dan sesiapa yang menjadikan Allah dan RasulNya serta orang-orang yang beriman itu penolongnya (maka berjayalah dia), kerana sesungguhnya golongan (yang berpegang kepada agama) Allah, itulah yang tetap menang."<sup>3</sup>

4. Allah menyempurnakan balasan pahala baginya dalam amalan-amalannya yang soleh.

وَإِنْ تَطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ لَا يَلِتْكُمْ مِنْ أَعْمَالِكُمْ شَيْئًا إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ

"Dan (ingatlah), jika kamu taat kepada Allah RasulNya (zahir dan batin), Allah tidak akan mengurangkan sedikitpun dari pahala amal-amal kamu, kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani."<sup>4</sup>

---

<sup>1</sup> Al Nisa: 80.

<sup>2</sup> Ali Imraan: 41.

<sup>3</sup> Al Maaidah: 56

<sup>4</sup> Al Hujuraat: 14.

5. Mendapat keselamatan dari neraka Jahannam pada Hari Kiamat dan dimasukkan ke dalam syurga.

وَمَنْ يُطِيعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ يُدْخِلْهُ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا  
وَذَلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ ﴿٥٦﴾

"Dan sesiapa yang taat kepada Allah dan RasulNya, akan dimasukkan oleh Allah ke dalam syurga yang mengalir dari bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya. Dan itulah kejayaan yang amat besar."<sup>5</sup>

6. Orang Mukmin yang taat mendapat keamanan ketika berada di dalam kubur dan mendapat thabat dan keteguhan ketika disoal oleh Munkar dan Nakir.
7. Allah mengasihinya atau merahmatinya di dunia dan akhirat.

وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٥٧﴾

"Serta taat kepada Allah dan RasulNya. mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana."<sup>6</sup>

8. Dikurniakan nikmat menjadi teman dan dapat berdamping dengan para nabi, ahli siddiqin, orang-orang soleh dan orang-orang yang mati syahid di dalam syurga.

وَمَنْ يُطِيعِ اللَّهَ وَالرَّسُولَ فَأُولَئِكَ مَعَ الَّذِينَ أَنْعَمَ اللَّهُ عَلَيْهِمْ مِنَ النَّبِيِّينَ وَالصِّدِّيقِينَ  
وَالشُّهَدَاءِ وَالصَّالِحِينَ وَحَسُنَ أُولَئِكَ رَفِيقًا ﴿٥٨﴾ ذَلِكَ الْفَضْلُ مِنَ اللَّهِ وَكَفَى  
بِاللَّهِ عَلِيمًا ﴿٥٩﴾

"Dan sesiapa yang taat kepada Allah dan RasulNya, maka mereka akan (ditempatkan di dalam syurga) bersama-sama orang-orang yang telah dikurniakan nikmat oleh Allah kepada mereka, iaitu Nabi-nabi, dan orang-orang siddiqin, dan orang-orang yang syahid, serta orang-orang yang soleh. Dan amatlah eloknya mereka itu menjadi teman rakan (kepada orang-orang

<sup>5</sup> Al Nisa': 13.

<sup>6</sup> Al Taubah: 41.

yang taat). Yang demikian adalah limpah kurniaan daripada Allah; dan cukuplah Allah Yang Maha mengetahui (akan balasan pahalanya)."<sup>7</sup>

#### KEDUA: IMPLIKASI MENCINTAI NABI ﷺ PADA DIRI ORANG MUKMIN DAN JUGA MASYARAKAT

1. Wujudnya ukhuwwah Islamiah dan kasih sayang di antara individu Muslim di dalam masyarakat.
2. Terpeliharanya akhlak Islamiah dengan ikutan terhadap sirah Nabi ﷺ dan sedikitnya berlaku kerosakan akhlak.
3. Mengajak masyarakat Islam kepada Allah dengan mata hati, kebenaran dan ilmu.
4. Mewujudkan kestabilan dan keharmonian dalam masyarakat serta keamanan dalam negara, dan tidak berlakunya penyebaran fitnah.
5. Memelihara kesan-kesan tinggalan para nabi dan para sahabat.
6. Membesarkan dan meninggikan syariat Islamiah apabila ilmu tersebar, ilmu dan ulama', dan penuntut-penuntut ilmu dihormati dan dimuliakan.
7. Membawa kepada ketaatan kepada pemerintah dalam perkara bukan maksiat.
8. Menguatkan iman ke dalam hati. Maka tidak masuk ke dalam hatinya rasa ragu-ragu atau lemahnya iman.
9. Menguatkan syakhshiah Islamiah atau keperibadian Muslim dan tidak mengikut musuh-musuh agama.
10. Mengajak kepada Islam secara tidak langsung melalui pergaulan yang baik dan akhlak yang mulia.

---

<sup>7</sup> Al Nisa: 69-70.

